

## **Ikon sejarah Kuala Lumpur**

Oleh Roslan Ibrahim

**Masjid Jamek Kuala Lumpur terletak di Jalan Tun Perak di tengah-tengah ibu kota.**

Upacara perletakan batu asas pembinaan masjid ini dilakukan pada 23 Mac 1908 dan disempurnakan pembukaannya oleh DYMM Sultan Alauddin Sulaiman Shah pada 23 Disember 1909.

Seni bina masjid yang bercirikan seni bina Monghul ini berdasarkan reka bentuk masjid di India Utara hasil rekaan arkitek, A B Hubback.

Keunikan masjid ini ialah kedudukannya yang terletak di pertemuan antara Sungai Gombak dan Sungai Kelang.



MASJID Jamek Kuala Lumpur yang menjadi bangunan bersejarah di ibu kota.

Suatu ketika dulu, pedagang dan umat Islam menggunakan sampan untuk menunaikan ibadat di masjid ini melalui Sungai Gombak dan Sungai Kelang.

Masjid Jamek dibina pada 1908 di kawasan tanah milik pedagang dan pelayar terkenal, Haji Mohd Yusof Abu Bakar atau dipanggil Nakhoda Yusof.

Tanah itu kemudian dijual kepada kerajaan British yang mengambil keputusan membina Masjid Jamek dengan kos RM32,625 hasil derma umat Islam dan siap sepenuhnya pada 1909.

Masjid ini mempunyai dua menara utama dan tiga kubah berbentuk bawang.

Bagi penduduk tempatan, mereka juga menggelarnya "Masjid Jumaat" kerana setiap hari Jumaat, jemaah yang datang untuk menunaikan solat melimpah hingga ke bahu jalan.

Waktu melawat ialah dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.30 petang hingga 4.30 petang.

Orang ramai yang mahu melihat dan menikmati sejarah Islam dan seni bina masjid itu boleh mengunjungi Masjid Jamek Kuala Lumpur sempena Pameran A B Hubback @ Masjid Jamek.

Pameran itu diadakan setiap hari (kecuali Jumaat) dari 15 Mei hingga 15 Jun 2014 bermula jam 9 pagi hingga 4 petang.

Artikel ini disiarkan pada : 2014/05/23